



Singapore Examinations and Assessment Board

---

**Singapore–Cambridge General Certificate of Education  
Ordinary Level (2026)**

**ISLAMIC RELIGIOUS  
KNOWLEDGE  
(SYLLABUS 2080)**

## 2080 ISLAMIC RELIGIOUS KNOWLEDGE GCE ORDINARY LEVEL SYLLABUS

## Kandungan

---

	Halaman
Hasil Pembelajaran	4
Objektif Penilaian	4
Format Peperiksaan	5
Jadual Pengkhususan	6
Kandungan Sukatan Pelajaran	7
Rubrik Pemarkahan	11

---

## Hasil Pembelajaran

---

Berdasarkan Sukatan Pengajaran dan Pembelajaran Pengetahuan Agama Islam, pada akhir pendidikan sekolah menengah pelajar harus berupaya untuk:

- (a) mengetahui dasar-dasar kepercayaan agama Islam
- (b) mengetahui ajaran dan amalan-amalan agama Islam
- (c) menunjukkan akhlak Islam dalam kehidupan harian mereka
- (d) mengetahui sejarah Islam – dari sebelum kedatangan Islam sehingga zaman pemerintahan Abbasiyah

## Objektif Penilaian

---

Peperiksaan Pengetahuan Agama Islam bertujuan untuk menilai keupayaan pelajar untuk:

- OP1: Mengingat kembali, memilih dan membentangkan fakta-fakta utama akidah agama Islam – dasar-dasar kepercayaan agama Islam; ajaran dan amalan-amalan agama Islam, dan akhlak Islam dalam kehidupan harian serta sejarah agama Islam
- OP2: Menunjukkan pemahaman tentang kepentingan perkara-perkara tersebut dalam pengajaran agama Islam dan kehidupan orang Muslim.

## Format Peperiksaan

---

Format peperiksaan Pengetahuan Agama Islam GCE Peringkat Biasa terbahagi kepada:

Kertas 1: Tauhid dan Sirah

Kertas 2: Akhlak dan Fiqh

### **Kertas 1: Tauhid dan Sirah**

Kertas 1 terbahagi kepada tiga bahagian; Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Calon dikehendaki menjawab tiga soalan; satu soalan daripada Bahagian A, satu soalan daripada Bahagian B dan satu soalan daripada Bahagian C. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 30 minit.

#### **Bahagian A (20 markah)**

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki menjawab satu soalan sahaja.

#### **Bahagian B (15 markah)**

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki menjawab satu soalan sahaja.

#### **Bahagian C (15 markah)**

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki menjawab satu soalan sahaja.

### **Kertas 2: Akhlak dan Fiqh**

Kertas 2 terbahagi kepada tiga bahagian; Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Calon dikehendaki menjawab tiga soalan; satu soalan daripada Bahagian A, satu soalan daripada Bahagian B dan satu soalan daripada Bahagian C. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 30 minit.

#### **Bahagian A (20 markah)**

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki menjawab satu soalan sahaja.

#### **Bahagian B (15 markah)**

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki menjawab satu soalan sahaja.

#### **Bahagian C (15 markah)**

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki menjawab satu soalan sahaja.

## Jadual Pengkhususan

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah Soalan yang Perlu Dijawab)	Markah (Timbangan %)	Penerangan
<b>1</b> (1 jam 30 minit)	<b>Bahagian A</b> ▪ Tauhid ▪ Sirah	Respons Bebas	2 (1)	20 (20%)	Calon dikehendaki menjawab tiga soalan; satu soalan daripada Bahagian A, satu soalan daripada Bahagian B dan satu soalan daripada Bahagian C.
	<b>Bahagian B</b> ▪ Tauhid	Respons Bebas	2 (1)	15 (15%)	
	<b>Bahagian C</b> ▪ Sirah	Respons Bebas	2 (1)	15 (15%)	
	Subtotal		6 (3)	50 (50%)	
<b>2</b> (1 jam 30 minit)	<b>Bahagian A</b> ▪ Akhlak ▪ Fiqh	Respons Bebas	2 (1)	20 (20%)	Calon dikehendaki menjawab tiga soalan; satu soalan daripada Bahagian A, satu soalan daripada Bahagian B dan satu soalan daripada Bahagian C.
	<b>Bahagian B</b> ▪ Akhlak	Respons Bebas	2 (1)	15 (15%)	
	<b>Bahagian C</b> ▪ Fiqh	Respons Bebas	2 (1)	15 (15%)	
	Subtotal		6 (3)	50 (50%)	
	<b>Total</b>		<b>12 (6)</b>	<b>100 (100%)</b>	

# Kandungan Sukatan Pelajaran

---

Sukatan Pelajaran Pengetahuan Agama Islam terbahagi kepada:

## Kertas 1: Tauhid dan Sirah

### Tauhid

- 1 Pengertian Tauhid dan Iman
- 2 Kepercayaan kepada Allah s.w.t.
  - Erti Kepercayaan kepada Allah s.w.t.
  - Sifat-sifat yang Wajib, Mustahil dan Harus bagi Allah s.w.t.
- 3 Kepercayaan kepada Malaikat
  - Erti Kepercayaan kepada Malaikat
  - Nama-nama Malaikat dan Tugas Mereka
- 4 Kepercayaan kepada Kitab Allah s.w.t.
  - Kitab Taurat, Zabur dan Injil
  - Al-Quran Kitab yang Terakhir
- 5 Kepercayaan kepada Nabi dan Rasul
- 6 Kepercayaan kepada Hari Kebangkitan
  - Erti Kepercayaan kepada Hari Kebangkitan
  - Tanda-tanda Hari Kebangkitan
  - Kehidupan di Alam Kubur
  - Kebangkitan dan Penghisaban
  - Syurga dan Neraka
- 7 Kepercayaan kepada Qadak dan Qadar
  - Erti Kepercayaan kepada Qadak dan Qadar
  - Hikmah Takdir Disembunyikan daripada Pengetahuan Manusia
  - Hubungan antara Ikhtiar dengan Qadak dan Qadar
  - Hubungan Tawakal dengan Qadak dan Qadar

## Sirah

- 8 Zaman sebelum Islam dan Kebangkitan Rasulullah s.a.w.
  - Garis Masa Perjalanan Hidup Nabi Muhammad s.a.w.
  - Pengertian Jahiliyah; Keadaan Sosial, Politik dan Ekonomi
  - Kepentingan Kota Mekah dan Peristiwa Tahun Gajah
  - Kelahiran Nabi Muhammad s.a.w.
  - Kerja-kerja Nabi Muhammad s.a.w. Sebelum Menjadi Rasul
  - Perkahwinan Nabi Muhammad s.a.w.
  - Ciri-ciri Kepimpinan Nabi Muhammad s.a.w.
  
- 9 Zaman selepas Kenabian
  - Peristiwa di Gua Hira dan Wahyu Pertama
  - Peringkat Dakwah Nabi Muhammad s.a.w.
  - Tentang Golongan Musyrikin Mekah terhadap Dakwah Nabi Muhammad s.a.w.
  - Cara Nabi Muhammad s.a.w. dan Muslimin Mekah Menghadapi Cabaran
  - Peristiwa Israk dan Mikraj
  - Pakatan Membunuh Nabi Muhammad s.a.w. dan Hijrah ke Madinah
  
- 10 Zaman selepas Hijrah ke Madinah
  - Penyebaran Islam di Madinah
  - Kerja-kerja Awal Nabi Muhammad s.a.w. dan Pembentukan Negara Islam
  - Perang semasa Zaman Nabi Muhammad s.a.w. – Badar dan Uhud
  - Perjanjian Hudaibiyah dan Pembukaan Kota Mekah
  - Kewafatan Nabi Muhammad s.a.w.
  
- 11 Zaman Pemerintahan Khulafa Rasyidin
  - Pengertian Khulafa Rasyidin dan Sejarah Sayidina Abu Bakar As-Siddiq r.a.
  - Sejarah Sayidina Umar Bin Al-Khattab r.a.
  - Sejarah Sayidina Uthman Bin Affan r.a.
  - Sejarah Sayidina Ali Bin Abu Talib r.a.
  - Jatuhnya Kerajaan Khulafa Rasyidin
  
- 12 Zaman Pemerintahan Umayyah dan Abbasiyah
  - Asal Usul Keturunan Umayyah
  - Umayyah pada Zaman Pembentukan
  - Umayyah pada Zaman Kegemilangan
  - Umayyah pada Zaman Kejatuhan
  - Asal Usul Abbasiyah dan Penubuhannya
  - Zaman Pembentukan Abbasiyah
  - Zaman Kejatuhan Abbasiyah
  - Sumbangan Khalifah-khalifah
    - Khalifah Umar bin Abdul Aziz (Bani Umayyah)
    - Khalifah Harun al-Rasyid (Abbasiyah)

## **Kertas 2: Akhlak dan Fiqh**

### **Akhlak**

- 1 Pengenalan
  - Pengertian Akhlak
- 2 Hubungan dengan Allah s.w.t.
  - Hak-hak Allah s.w.t.
  - Zikir dan Doa
  - Membaca al-Quran
- 3 Hubungan sesama Manusia
  - Hak Rasulullah s.a.w.
  - Tanggungjawab dan Adab terhadap Diri Sendiri
  - Hubungan dengan Keluarga
  - Hubungan dengan Jiran Tetangga
  - Adab terhadap Guru
  - Hubungan dengan Teman
  - Hubungan antara Pekerja dengan Majikan
  - Adab sebagai Warganegara
  - Hubungan Orang Muslim terhadap Kaum Berbilang Bangsa dan Agama
- 4 Hubungan terhadap Alam Sekitar
  - Adab terhadap Alam Sekitar

### **Fiqh**

- 5 Pengenalan
  - Pengertian Islam
- 6 Taharah
  - Air dan Pembahagiannya
  - Hadas
  - Mandi Wajib
  - Wuduk
  - Istinja
  - Najis
  - Tayamum
- 7 Solat
  - Solat dan Pembahagiannya
  - Solat Jumaat
  - Solat Berjemaah
  - Solat Jamak dan Qasar
  - Solat-solat sunat
  - Solat Jenazah
- 8 Puasa
  - Pengenalan
  - Jenis-jenis Puasa
  - Qada', Fidyah dan Kafarah Puasa

- 9 Zakat
  - Pengenalan Zakat
  - Zakat Fitrah
  - Jenis-jenis Zakat Harta – Zakat Emas dan Perak, Zakat Perniagaan
- 10 Haji dan Umrah
  - Haji
  - Jenis-jenis Haji
  - Umrah
- 11 Korban dan Akikah
  - Korban
  - Akikah
- 12 Muamalat
  - Berjual beli – Pengertian, Hukum, Syarat dan Jual Beli yang Dilarang dalam Islam
  - Riba'
- 13 Munakahat
  - Nikah
  - Talak
  - Hak Kewajipan Suami dan Isteri

## Rubrik Pemarkahan

### Aras Respons

#### BAHAGIAN A (20 markah)

#### OP1: Ingat kembali, pilih dan bantangkan – Bahagian (a)

Markah maksimum bagi Bahagian (a) ialah 4.

Aras	Markah Bahagian (a)	Penerangan
4	4	<p><b>Cemerlang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Respons tersusun, jelas dan komprehensif</li> <li>▪ Menunjukkan pengetahuan yang luas dan tepat; relevan dengan soalan</li> <li>▪ Isi yang diberikan terperinci, dikembangkan dengan amat baik dan relevan</li> <li>▪ Berkemungkinan besar memetik ayat-ayat al-Quran dan hadis atau tukilan lain yang relevan untuk menyokong isi yang diberikan</li> </ul>
3	3	<p><b>Baik</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Respons tersusun dan jelas</li> <li>▪ Menunjukkan pengetahuan yang tepat dan relevan dengan soalan</li> <li>▪ Isi diterangkan dan secara umumnya tepat</li> <li>▪ Mungkin memetik ayat-ayat al-Quran dan hadis atau tukilan lain yang relevan untuk menyokong isi yang diberikan</li> </ul>
2	2	<p><b>Memuaskan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Cuba menyampaikan respons yang tersusun</li> <li>▪ Respons kurang tautan atau tidak dikembangkan</li> <li>▪ Menunjukkan pengetahuan tentang beberapa perkara yang meliputi isi utama tetapi tidak secara terperinci</li> <li>▪ Isi yang diberikan kadangkala relevan dan tepat tetapi terhad</li> </ul>
1	1	<p><b>Asas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Terdapat percubaan untuk menjawab soalan</li> <li>▪ Kurang tautan dan susunan</li> <li>▪ Menunjukkan pengetahuan yang terhad tentang perkara yang diuji</li> <li>▪ Respons terhad dan kurang kaitan dengan soalan</li> <li>▪ Terdapat percubaan untuk menyampaikan respons yang tersusun terhadap soalan</li> </ul>
0	0	<p><b>Tidak relevan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tidak mengandungi isi yang relevan</li> </ul>

**OP2: Pemahaman – Bahagian (b) and Bahagian (c)**

Markah maksimum bagi Bahagian (b) ialah 6 dan markah maksimum bagi Bahagian (c) ialah 10.

Aras	Markah Bahagian (b)	Markah Bahagian (c)	Penerangan
4	6	9-10	<p><b>Cemerlang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menunjukkan pengetahuan yang terperinci, tepat dan relevan</li> <li>▪ Menggunakan bukti yang tepat untuk menyokong perbincangan yang bertautan dan tersusun</li> <li>▪ Menunjukkan pemahaman melalui respons yang dikembangkan dengan jelas</li> <li>▪ Menjawab soalan sepenuhnya</li> <li>▪ Pemahaman yang baik tentang konteks yang lebih luas, jika relevan</li> </ul>
3	4-5	6-8	<p><b>Baik</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menunjukkan pengetahuan yang kebanyakannya tepat dan relevan</li> <li>▪ Menggunakan bukti yang tepat untuk menyokong perbincangan</li> <li>▪ Menjawab kebanyakan aspek soalan</li> <li>▪ Beberapa percubaan untuk membuat kaitan dengan konteks yang lebih luas, jika relevan</li> </ul>
2	2-3	3-5	<p><b>Memuaskan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menunjukkan pengetahuan yang mungkin separuh tepat</li> <li>▪ Menggunakan bukti untuk menyokong satu atau lebih isi yang relevan; sokongan mungkin tidak sepenuhnya relevan atau tepat</li> <li>▪ Menunjukkan pemahaman melalui respons yang dikembangkan</li> <li>▪ Terdapat percubaan untuk menjawab soalan</li> <li>▪ Terdapat percubaan untuk membuat kaitan dengan konteks yang lebih luas, jika relevan</li> </ul>
1	1	1-2	<p><b>Asas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengenal pasti pengetahuan yang terhad dan mungkin tidak tepat</li> <li>▪ Sedikit atau tiada sokongan yang diberikan</li> <li>▪ Menunjukkan pemahaman yang asas melalui respons yang terhad</li> <li>▪ Respons relevan dengan topik tetapi tidak betul-betul menjawab soalan</li> <li>▪ Sedikit atau tiada percubaan untuk membuat kaitan dengan konteks yang lebih luas, jika relevan</li> </ul>
0	0	0	<p><b>Tidak relevan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tiada percubaan ketara untuk menjawab soalan atau respons tidak relevan sepenuhnya</li> </ul>

**BAHAGIAN B (15 markah) and BAHAGIAN C (15 markah)****OP1: Ingat kembali, pilih dan bantangkan – Bahagian (a) dan Bahagian (b).**

Markah penuh bagi Bahagian (a) ialah 5 dan markah penuh bagi Bahagian (b) ialah 10.

Aras	Markah Bahagian (a)	Markah Bahagian (b)	Penerangan
4	5	9-10	<b>Cemerlang</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Respons tersusun, jelas dan komprehensif</li> <li>▪ Menunjukkan pengetahuan yang luas dan tepat; relevan dengan soalan</li> <li>▪ Isi yang diberikan terperinci, dikembangkan dengan amat baik dan relevan</li> <li>▪ Berkemungkinan besar memetik ayat-ayat al-Quran dan hadis atau tukilan lain yang relevan untuk menyokong isi yang diberikan</li> </ul>
3	3-4	6-8	<b>Baik</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Respons tersusun dan jelas</li> <li>▪ Menunjukkan pengetahuan yang tepat dan relevan dengan soalan</li> <li>▪ Isi diterangkan dan secara umumnya tepat</li> <li>▪ Mungkin memetik ayat-ayat al-Quran dan hadis atau tukilan lain yang relevan untuk menyokong isi yang diberikan</li> </ul>
2	2	3-5	<b>Memuaskan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Cuba menyampaikan respons yang tersusun</li> <li>▪ Respons kurang tautan atau tidak dikembangkan</li> <li>▪ Menunjukkan pengetahuan tentang beberapa perkara yang meliputi isi utama tetapi tidak secara terperinci</li> <li>▪ Isi yang diberikan kadangkala relevan dan tepat tetapi terhad</li> </ul>
1	1	1-2	<b>Asas</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Terdapat percubaan untuk menjawab soalan</li> <li>▪ Kurang tautan dan susunan</li> <li>▪ Menunjukkan pengetahuan yang terhad tentang perkara yang diuji</li> <li>▪ Respons terhad dan kurang kaitan dengan soalan</li> <li>▪ Terdapat percubaan untuk menyampaikan respons yang tersusun terhadap soalan</li> </ul>
0	0	0	<b>Tidak relevan</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tidak mengandungi isi yang relevan</li> </ul>